

CNS1620

R GB 07-08 00156 BH395

aab

PENGUKUHAN RINGGIT SEPATUTNYA UNTUNGAN PENGGUNA: PM

Mahathir - Pengguna

LANGKAWI, 7 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

'Mohamad kesal kerana para pengguna di negara ini tidak menikmati keuntungan daripada pengukuhan nilai ringgit baru-baru ini disebabkan para pengimport tidak menurunkan harga.

Katanya, pengimport sepatutnya menurunkan harga barangan yang diimport hasil daripada kenaikan nilai ringgit dan para pengguna sepatutnya menikmati penurunan harga.

+Tetapi mereka sebaiiknya mengekalkan harga yang sama atau menaikkan harga,+ katanya ketika berucap merasmikan hotel Delima Resort di Padang Mat Sirat di sini hari ini.

Beliau menyifatkan perbuatan para pengimport itu sebagai satu perbuatan tidak sihat kerana menafikan faedah yang sepatutnya dirasakan oleh rakyat.

Beliau berkata, nilai ringgit telah naik daripada \$2.70 kepada \$2.50 bagi satu dolar Amerika baru-baru ini dan peningkatkan nilai matawang ringgit itu telah secara tidak langsung menyebabkan kuasa beli bagi barangan import meningkat. -- Lagi.

▼07/08/15-37MST

CNS1624

R GB 07-08 00181 BH396

aab

Mahathir - Pengguna 2 Langkawi

Beliau menyifatkan perbuatan para pengimport itu sebagai tidak wajar kerana kenaikan nilai matawang ringgit bukan daripada hasil usaha para peniaga tetapi disebabkan oleh kekukuhan ekonomi negara.

Ketika bercakap dengan pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) tidak lagi bercadang untuk membeli tanah-tanah di pulau itu kerana tanah yang dibelinya mencukupi.

+Sekarang dah cukup. Kalau kita nak tanah kita akan tebus guna laut,+ katanya.

Mengenai cadangan supaya hanya satu Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) dilaksanakan bagi seluruh Pulau Langkawi untuk mempercepatkan proses pembangunan di situ, Perdana Menteri berkata perkara itu tidak dapat dilaksanakan kerana keadaan kawasan setiap projek yang hendak dilaksanakan adalah berbeza dan memerlukan laporan yang berasingan.

Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff, yang juga Pengerusi Bersama LADA, dalam ucapannya berkata LADA setakat ini telah membelanjakan \$50 juta bagi pengambilan tanah di Langkawi dan akan tiba masanya ia berhenti membeli tanah kerana bank tanah Lembaga itu telah mencukupi dan sebaliknya ia bercadang untuk menebus guna kawasan laut. -- Lagi

▼07/08/15-40MST

CNS 1 6 28

R GB 07-08 00153 BH397

aab

Mahathir ~ Pengguna 3 Langkawi

Xatanya, kerajaan memperuntukkan sebanyak \$374 juta bagi pembangunan Langkawi dalam Rancangan Malaysia Keenam, termasuk \$174 juta yang disalurkan terus melalui LADA dan jumlah itu dijangka meningkat dari masa ke semasa.

Beliau berkata, setakat ini 80 projek yang berkaitan pelancong dan rekreasi telah diluluskan di pulau itu, termasuk 59 hotel, kondominium, apartmen dan chalet.

Kata Osman, Langkawi akan dapat menyediakan kira-kira 12,000 bilik penginapan apabila semua projek itu disiapkan dan sehingga tahun depan, sejumlah 5,000 bilik dapat disediakan.

Menurutnya, kerajaan negeri peka dengan masalah yang dihadapi para pengusaha dan beberapa langkah telah diambil bagi mempercepatkan proses pembangunan di Langkawi seperti mengurangkan karenah birokrasi, mengemaskinikan pentadbiran Majlis Daerah Langkawi dan Pejabat Daerah serta menempatkan pegawai-pegawai yang berkebolehan.

Pada majlis itu juga, Perdana Menteri menanam pokok Delima di perkarangan hotel itu dan melawat kawasan sekitar hotel. -- Lagi

▼07/08/15-42MST

CNS1630

R GB 07-08 00112 BH398

aab

Mahathir ~ Pengguna 4 (Akhir) Langkawi

Fasa pertama Delima Resort mengandungi 300 bilik disiapkan dalam masa 53 hari menjelang Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1991 (Lima 91) November tahun lepas manakala fasa kedua mengandungi 1,200 bilik mula dibina Februari tahun ini.

Hotel itu, yang menawarkan tiga jenis bilik pada kadar \$55, \$75 dan \$100, juga menyediakan beberapa kemudahan seperti dua buah kolam renang, satu daripadanya bersaiz Olimpik, dua gelanggang tenis, dewan persidangan, pasar raya, gerai penjaja dan beberapa kemudahan lain.

Antara yang turut hadir pada majlis itu bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, yang juga Pengerusi Bersama LADA. -- Bernama